

Lelaki dipenjara dua minggu kerana ceroboh rumah

MIRI: Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara dua minggu oleh Mahkamah Majistret semalam selepas mengaku bersalah atas pertuduhan menceroboh rumah seorang individu.

Tertuduh, Brian Paran Wylie, 35, dari China Street di sini didakwa mengikut Sek-

syen 448 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga tiga tahun atau denda maksima RM5,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh didapati menceroboh masuk ke sebuah rumah milik seorang lelaki berusia

53 tahun.

Kesalahan itu dilakukannya pada jam 8 malam, 8 Ogos lalu di sebuah lot di Siang Siang Garden, Jalan Miri-Bintulu.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Luqman Hakim Sahrol Bahar di hadapan Majistret Ashok Linggam.